

08/01/2002

Sistem sekolah satu aliran percepat integrasi nasional

Khairul Anwar Rahmat

BH: Apa pandangan saudara mengenai konsep sekolah satu aliran dalam usaha mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia?

ABD SAMAD: Sebenarnya, konsep sekolah satu aliran sudah lama dicadangkan sebagai alat bagi seluruh rakyat Malaysia berinteraksi dengan lebih berkesan. Ia adalah gagasan murni dan perlu disokong segenap lapisan rakyat Malaysia. Sebagai rakyat yang mementingkan perpaduan dan integrasi nasional, saya percaya sekolah satu aliran adalah jalan penyelesaian paling mujarab dalam menghadapi pelbagai isu yang timbul sekarang. Seperti mana yang kita tahu, pelajar sekolah adalah golongan yang bakal mewarisi kepemimpinan negara ini.

Justeru, setiap individu sama ada Melayu, Cina dan India perlu dididik dengan semangat muhibah dan kesetiakawanan sejak kecil lagi. Persekitaran yang baik seperti yang diwujudkan di sekolah mampu mengikis perasaan prejudis antara kaum. Dengan kata lain, sekolah satu aliran ialah faktor penting yang menyumbang ke arah kestabilan negara.

BH: Tetapi, masih ada pihak yang menolak cadangan itu?

ABD SAMAD: Pihak yang menolak cadangan ini sebenarnya tidak memahami dengan jelas konsep dan matlamat sekolah satu aliran. Ini diburukkan lagi dengan pelbagai dakwaan pihak tidak bertanggungjawab kononnya sekolah satu aliran bertujuan menghapuskan bahasa ibunda. Sepatutnya, isu ini tidak timbul kerana Perlembagaan Persekutuan jelas memberi kebebasan kepada setiap warga Malaysia mengamalkan bahasa, agama dan kepercayaan masing-masing. Mungkin dakwaan begini bermotif politik dan bertujuan memburukkan imej Kementerian Pendidikan serta kerajaan seluruhnya.

BH: Ada juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menentang sekolah satu aliran.

ABD SAMAD: Inilah sikap segelintir pemimpin NGO yang suka menangguk di air keruh. Sebagai pertubuhan sukarela, mereka perlu menerima positif cadangan mewujudkan sekolah satu aliran. NGO tidak sepatutnya terikut-ikut rentak ahli politik pembangkang yang pasti menolak dan mengkritik setiap cadangan kerajaan. Bagaimanapun, saya percaya bukan semua NGO bersikap demikian. Masih banyak lagi NGO di negara ini yang bersifat objektif dan ikhlas dalam memperjuangkan isu dan kepentingan golongan yang diwakili. Kumpulan inilah yang perlu diberi perhatian kerana fungsi mereka sebagai rakan pembangunan sangat diperlukan dalam mewujudkan suasana harmoni rakyat.

BH: Baru-baru ini, ada laporan menyebut segelintir NGO menyelewengkan peruntukan kewangan yang diterima daripada kerajaan. Apa pandangan saudara?

ABD SAMAD: Jika perkara ini benar-benar berlaku, saya percaya seluruh rakyat Malaysia akan kecewa. Peruntukan yang disalurkan itu tidak sepatutnya diselewengkan, terutama kepada kegiatan bertentangan dengan aspirasi dan kemahuan kerajaan. Seperti yang kita tahu, kerajaan menyediakan peruntukan besar setiap tahun supaya setiap NGO mempunyai dana yang cukup untuk menjalankan kegiatan yang membina dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Umpamanya, persatuan belia perlu menjalankan kegiatan yang mampu meningkatkan jati diri dan kemahiran diri. Begitu juga dengan NGO yang mendakwa memperjuangkan isu alam sekitar. Mereka perlu menumpukan perhatian terhadap isu berkaitan alam sekitar saja, dan bukannya bersekongkol dengan pihak yang berniat menjatuhkan imej kerajaan di mata

dunia.

BH: Bagaimana dengan kecenderungan 60,000 ibu bapa Melayu, selain India yang menghantar anak mereka ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di negara ini?

ABD SAMAD: Jumlah pelajar bukan Cina di SJKC menimbulkan satu persoalan besar, iaitu adakah mereka tidak lagi yakin dengan kemampuan sekolah kebangsaan. Ada juga yang sanggup menghantar anak mereka ke SJKC, walaupun jaraknya agak jauh dari rumah. Dalam hal ini, pihak terbabit perlu mengkaji trend ini dengan mendapatkan maklumat daripada ibu bapa yang menghantar anak mereka ke SJKC.

Adakah kecenderungan itu disebabkan sistem pendidikan di SJKC lebih baik daripada sekolah kebangsaan yang kebanyakan pelajarnya adalah anak Melayu? Atau ada sebab lain yang mendorong mereka berbuat demikian. Jika kelemahan di sekolah kebangsaan menjadi punca utama mereka berbuat demikian, saya harap sesuatu dilakukan segera kerana membabitkan kepentingan anak Melayu di seluruh negara.

BH: Ada juga ibu bapa yang menghantar anak ke sekolah swasta?

ABD SAMAD: Seperti yang saya perkatikan tadi, perkembangan yang berlaku sejak akhir-akhir ini menuntut Kementerian Pendidikan melakukan kajian terperinci berkaitan dasar dan pelaksanaannya. Kita tidak mahu melihat ibu bapa hilang kepercayaan terhadap sistem persekolahan yang diterapkan di sekolah kerajaan hingga sanggup mengeluarkan wang sendiri untuk persekolahan anak mereka. Namun, saya percaya pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan sedang berusaha gigih menangani setiap perkembangan itu dengan serius dan bijak.

BH: Apa pandangan saudara mengenai laporan akhbar kononnya ada komplot dirancang untuk membunuh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi?

ABD SAMAD: Seperti yang disebutkan Dr Mahathir, laporan seperti itu akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Ia seolah-olah menggambarkan negara kita dipenuhi ramai penjenayah yang sentiasa menghuru-harakan negara. Apabila berita seperti ini dilaporkan akhbar tempatan, sudah pasti agensi berita asing akan mengambil kesempatan untuk terus memburukkan imej Malaysia di mata dunia.

Akhirnya, rakyat Malaysia juga akan menerima kesannya kerana sektor pelancongan, perindustrian dan sebagainya menerima kesan negatif. Sepatutnya, berita seperti ini disiasat dan diselidik dengan lebih teliti sebelum disiarkan. Malah, adalah lebih baik ia terus dilaporkan kepada pihak berkuasa supaya tindakan segera dapat diambil untuk menahan sesiapa yang terbabit.

BH: Adakah peletakan jawatan beberapa peneraju utama akhbar itu wajar?

ABD SAMAD: Seperti yang diketahui umum, peletakan jawatan beberapa individu dalam akhbar itu dibuat secara sukarela dan tidak diarahkan oleh mana-mana pihak. Mungkin, pihak terbabit menyedari kesilapan yang mereka lakukan dan mahu bertanggungjawab sepenuhnya dengan meletak jawatan. Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri memaafkan mereka dan mengingatkan supaya akhbar itu tidak mengulangi kesilapannya. Saya harap, perkara sebegini tidak akan berulang demi keamanan dan kestabilan negara.

BH: Apa pandangan saudara terhadap teguran Dr Mahathir supaya ulama tidak terlalu taksu dengan kegiatan politik hingga boleh menimbulkan kekeliruan rakyat?

ABD SAMAD: Saya memang bersetuju dengan saranan Dr Mahathir kerana memang ada yang berpendidikan agama menyalahgunakan ilmu yang dipelajari untuk menonjolkan diri sebagai ahli politik. Di kalangan penyokong, mereka digelar ulama, walaupun tindak tanduk dan perkataan mereka kadangkala tidak menggambarkan peribadi ulama sebenar. Realiti yang boleh dilihat hari ini ialah ramai daripada ulama yang kerjanya asyik menabur fitnah dan

menimbulkan kekeliruan umat Islam. Sedangkan ajaran Islam yang sebenarnya sentiasa menganjurkan umatnya hidup dengan penuh kasih sayang dan hormat menghormati.

Justeru, saya fikir lebih baik ulama menumpukan perhatian terhadap usaha dakwah dan menjauhkan diri dari parti politik yang menggunakan agama untuk meraih sokongan rakyat.

BH: Bagaimana saudara melihat perkembangan terbaru di Afghanistan?

ABD SAMAD: Sudah tentu rakyat negara itu lega kerana kerajaan sementara yang diketuai penyokong raja dari puak Pashtun, Hamid Karzai, berjaya dibentuk. Dengan perkembangan terbaru ini, saya berharap penderitaan rakyat Afghanistan selama ini akan berakhir. Sejarah menunjukkan rakyat negara ini sentiasa dilanda pelbagai masalah dan krisis akibat perbalahan dan berperangan.

Walaupun Islam menjadi agama utama negara itu, pertumpahan darah tetap berlaku akibat percakaran sesama sendiri. Justeru, sempena tahun baru ini, seluruh rakyat Afghanistan perlu memulakan kehidupan dengan azam baru. Mereka perlu insaf bahawa peperangan saudara tidak akan membawa apa-apa makna, sebaliknya hanya mengorbankan ribuan warga yang tidak berdosa. Dalam setiap konflik yang timbul, wanita dan kanak-kanak sering menjadi mangsa.

BH: Adakah ini menandakan konflik di Afghanistan akan berakhir?

ABD SAMAD: Ketika ini, Afghanistan berada pada tahap terbaik untuk memulihkan keadaan dan mengembalikan keamanan. Kerajaan sementara yang diketuai Hamid mempunyai tugas berat untuk membetulkan kesilapan silam, terutama bentuk pemerintahan dan kebebasan rakyat yang menjadi punca pergolakan selama ini. Bagaimanapun, masyarakat dunia perlu memberi sokongan dan bantuan kepada Afghanistan untuk membangunkan semula negara yang sudah musnah. Namun, saya berharap bantuan yang diberikan, terutama oleh negara besar, dibuat dengan ikhlas. Kita tidak mahu melihat mana-mana negara mengambil kesempatan ini untuk meluaskan pengaruh yang akhirnya mewujudkan penjajahan bentuk baru.

BH: Sempena kehadiran tahun baru 2002, apakah harapan saudara?

ABD SAMAD: Sebagai generasi baru Malaysia, saya berharap 2002 akan menjadikan rakyat negara ini lebih bersyukur dan bertanggungjawab terhadap keamanan dan kemakmuran. Kejadian yang berlaku di seluruh dunia perlu membuatkan kita insaf bahawa percakaran dan perpecahan sesama sendiri tidak akan menguntungkan sesiapa. Malah, kelemahan ini akan dijadikan alasan oleh negara lain untuk meluaskan pengaruhnya di Malaysia.

Jika ini berlaku, masa depan rakyat negara ini akan terus suram. Setiap dasar akan ditentukan oleh kuasa luar. Rakyat sudah tidak ada kuasa untuk menentukan kepemimpinan sendiri kerana setiap keputusan akan ditentukan kuasa asing. Bagaimanapun, saya percaya majoriti rakyat Malaysia sayangkan negara ini. Sebab itu, sebilangan besar daripada mereka sedang gigih berganding bahu dengan kerajaan untuk memacu negara ke arah pertumbuhan positif yang lebih dinamik, berwawasan dan berdaya saing.